

18 APR 1999

Zainal-Konvensyen

K'JAAN DIMINTA IKTIRAF KONVENSYEN 87

PETALING JAYA, 18 April (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta kerajaan mempertimbangkan supaya mengiktiraf Konvensyen 87 iaitu kebebasan berkesatuan di negara ini.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata Malaysia belum lagi mengiktiraf konvensyen tersebut dan pihaknya bercadang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemukakan perkara tersebut untuk pertimbangan.

"Kami telah tulis surat untuk mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, tetapi beliau kurang sihat. Kita berharap beliau akan meluangkan masa untuk menemui pemimpin MTUC dan kami akan mengemukakan pandangan terhadap perkara itu dan mohon pertimbangan kerajaan supaya mengiktiraf Konvensyen 87," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Wanita Antarabangsa bertema "Wanita Ke Arah Kemajuan" di sini hari ini.

Katanya, Artikel 10 Perlembagaan Malaysia juga memberi jaminan bahawa setiap warga negara termasuk pekerja berhak memasuki atau menyertai mana-mana organisasi, kesatuan atau persatuan atau menubuhkan mana-mana persatuan dan kesatuan.

"Sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa ini, kita minta kerajaan `ratify' Konvensyen 87 dan memberi kebebasan berkesatuan selaras dengan perlembagaan negara kita," katanya.

Zainal berkata, pengiktirafan yang akan diberikan itu tidak akan menjejaskan kemasukan pelabur asing dan juga tidak akan menjejaskan keharmonian perhubungan berdasarkan "track record" negara yang kukuh.

"Dengan pengiktirafan yang diberikan, ini akan menyenangkan kerja kita untuk mendapatkan pertolongan teknikal dan kerjasama daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Malah, Malaysia telah diiktiraf oleh ILO sebagai pemimpin kesatuan yang progresif, demokratik dan mempunyai visi jangka panjang," katanya.

Zainal berkata, MTUC turut meminta kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia supaya menimbang semula cadangan MTUC supaya syarikat-syarikat menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) melalui pindaan Akta Kerja.

"Respon (untuk menubuhkan Taska) tidak menggalakkan daripada syarikat-syarikat berkemungkinan kerana majikan memikirkkan soal kos tetapi kos tersebut boleh ditanggung bersama oleh majikan dan pekerja iaitu 70 peratus oleh majikan dan 30 peratus oleh pekerja," katanya.

Penubuhan Taska juga akan mengurangkan tekanan jiwa pekerja wanita dan mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas dan secara tidak langsung meningkatkan produktiviti syarikat, katanya.

"Pada saya perkara ini lebih menguntungkan syarikat daripada menguntungkan pekerja dalam jangka masa panjang. Masa rehat, mereka boleh melihat anak dan mereka tidak akan berasa bimbang anak-anak mereka berada di tempat asuhan," katanya.

--BERNAMA

APG RHM